

Bisnes

Ivory ke luar negara

Oleh **SYUKRI SHAARI**
bisnes@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 28 Julai – Pemaju hartanah, Ivory Properties Group Bhd. (Ivory) menyasarkan untuk mengembangkan perniagaan ke Lembah Klang dan juga luar negara selepas disenaraikan di Bursa Malaysia Bhd. hari ini.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Low Eng Hock berkata, sasaran tersebut perlu dicapai bagi mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai salah sebuah syarikat pemaju hartanah ternama di Malaysia.

“Sebelum ini, kami lebih banyak memfokuskan kepada projek-projek pembangunan hartanah di Pulau Pinang sahaja kerana kedudukan syarikat kami yang berpangkalan di sana tetapi penyenaian di Bursa Malaysia telah membuka ruang baru bagi kami meneroka pasaran di luar.

“Oleh itu, matlamat utama kami selepas ini adalah untuk mengembangkan perniagaan kami ke kawasan Lembah Klang dan juga luar negara tidak lama lagi,” katanya pada sidang akhbar selepas penyenaian Ivory di Papan Utama Bursa Malaysia di sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Pengeru-

Ivory berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran keuntungan selepas cukai sebanyak RM33.5 juta seperti yang ditetapkan pada tahun ini

– LOW ENG HOCK

Pengarah Urusan Kumpulan Ivory Properties Group Bhd.

sinya, Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Arif, Ketua Pegawai Operasi, Datuk Ooi Chin Lo dan Pengarah Projek Rekabentuk dan Pemasaran, M. Murly.

Saham Ivory yang mula didagangkan hari ini mencatatkan premium 15 sen daripada harga tawaran RM1.

Pada paras pembukaan, kaunter dibuka pada RM1.15 dengan 26,897 lot bertukar tangan sebelum ditutup pada RM1.30.

Ivory dijangka mengumpul dana sebanyak RM44.90 juta menerusi pelaksanaan tawaran awam permulaan (IPO) dan daripada jumlah itu sebanyak RM10 juta akan digunakan untuk bayaran balik pinjaman bank, RM31.5 juta sebagai modal kerja dan RM3.4 juta untuk perbelanjaan terbitan saham.

IPO itu menyaksikan terbitan awam 44.9 juta saham biasa baru

pada harga tawaran RM1 sesaham terdiri daripada 9.3 juta saham baharu untuk permohonan rakyat Malaysia.

Menurut Eng Hock, melalui penyenaian syarikat itu, beliau telah mula merangka projek-projek yang bakal dilaksanakan pada masa depan dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM1.9 bilion.

Sementara itu, Eng Hock menambah, Ivory berada di landasan yang betul untuk mencapai sasaran keuntungan selepas cukai sebanyak RM33.5 juta seperti yang ditetapkan pada tahun ini.

“Sehingga Jun lalu, kami telah berjaya mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM16.8 juta dan kami yakin dapat mencapai sasaran kami pada tahun ini berdasarkan kepada aktiviti perniagaan syarikat,” katanya.



ENG Hock (kanan sekali) menunjukkan pergerakan harga saham Ivory yang tertera di papan skrin digital kepada Nazir Ariff (kiri) dan Pengarah Ivory, Asairchand Kunjambo di Bursa Kuala Lumpur, semalam.